

<b>Headline</b>	<b>Forestra jalani R&amp;D dua tahun</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>18 Mar 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Niaga</b>	<b>Circulation</b>	<b>115,967</b>
<b>Page No</b>	<b>51</b>	<b>Readership</b>	<b>406,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>176 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,530</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 4,591</b>



# Forestra jalani R&D dua tahun

**KEPONG** – Gabungan daripada hasil kajian dan pembangunan (R&D) serta penggunaan bahan semula-jadi telah menjadikan produk penjagaan diri Forestra keluaran Bio-Nature Formula Sdn. Bhd. (Bio-Nature Formula) kini semakin mendapat sambutan di pasaran tempatan.

Pengarah Urusan Bio-Nature Formula, Jurina Anwar berkata, produk yang telah dipasarkan sejak bulan September tahun lepas menawarkan empat jenis barangan yang berupa skrub badan, pembersih badan aromaterapi, losyen pemutih badan dan tangan serta pembersih herba wanita.

“Proses R&D ini telah mengambil masa hampir dua tahun bagi memastikan ia berkualiti tinggi dan selamat digunakan.

“Sebanyak RM1.16 juta dilaburkan melalui peruntukan di bawah Program Pembangunan Bio-Usahawan



JURINA menunjukkan produk keluaran Bio-Nature Formula di pejabatnya di Kepong baru-baru ini.

Siswazah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia-Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia untuk penghasilan produk ini,” katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Jurina menjelaskan, produk Forestra sesuai digunakan untuk semua jenis kulit termasuk kanak-kanak dan mereka yang memiliki kulit sensitif.

“Losyen pemutih badan dan tangan sebagai contohnya bukan sahaja sesuai untuk kegunaan di rumah, tetapi ia boleh digunakan sebagai penghalau serangga ketika aktiviti luar,” katanya.

Ujar beliau, terdapat 14 herba pelbagai fungsi seperti daun kapal terbang, madu, beras, limau purut, bunga raya dan kulit kayu ma-

nis digunakan sebagai bahan mentah bagi menghasilkan Forestra.

Selain kegunaan harian, Jurina memberitahu, pelanggan juga berpeluang menjadikan produk Forestra sebagai cenderamata atau hantaran perkahwinan kerana ia turut tampil dalam pek eksklusif.

Tambahnya, syarikat berkenaan turut menawarkan pek kembara yang mempunyai empat pilihan produk dalam bentuk lebih kecil untuk lebih mudah dibawa.

Produk Forestro ditawarkan pada harga antara RM25 hingga RM50 seunit.

Katanya, pelanggan boleh mendapatkan produk berkenaan daripada 20 pengedar rasmi di seluruh negara.

Mereka yang berminat untuk mendapatkan produk berkenaan boleh membuat pembelian secara online melalui emel [bionatureformula@gmail.com](mailto:bionatureformula@gmail.com).